

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 03/09/2007

# Koleksi detik pilihan raya

Oleh G. MANIMARAN

**APABILA** bercakap mengenai sistem dan proses pilihan raya negara ini, khususnya yang berkaitan dengan era pasca-kemerdekaan, sebahagian besar daripada rakyat pasti segar dengan satu gambar yang merakamkan dua anggota polis mengayuh basikal mengiringi kakitangan pilihan raya membawa peti berisi kertas-kertas undi ke pusat pengiraan undi.

Sekali lagi gambar hitam putih itu tidak terlepas daripada koleksi pilihan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk mengisi buku *50 Tahun Demokrasi dan Pilihan Raya di Malaysia*, yang akan dilancarkan oleh Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim esok.

Kira-kira 600 keping gambar menghiasi buku ini yang diterbitkan bagi mengisahkan perkembangan sistem dan proses pilihan raya di Malaysia, yang sekali gus membawa rakyat negara ini melalui satu tempoh lebih dua ratus ke belakang.

Meskipun buku ini diterbitkan sempena lima dekad kewujudan SPR, tetapi kandungannya meliputi perkembangan sistem pilihan raya bermula 1801.

Dalam menerangkan kewujudan sistem pilihan raya awal, antara lain buku ini menyebut, "penglibatan rakyat dalam sistem pemilihan perwakilan bermula di Pulau Pinang dengan tertubuhnya jawatankuasa sementara yang dinamakan Jawatankuasa Penilai atau Committee of Assessors pada 1801."

Di bawah sistem pilihan raya ketika itu, pembayar taksiran yang berumur tidak kurang daripada 40 tahun, bermastautin di kawasan perbandaran dan mempunyai harta benda dan membayar cukai taksiran tahunan tidak kurang daripada 40 rupee boleh bertanding menjadi Pesuruhjaya Perbandaran. Pengundi pula terdiri daripada mereka yang mempunyai harta benda dan membayar cukai taksiran tidak kurang daripada 25 rupee setahun. Mereka tidak perlu bermastautin di kawasan perbandaran. Dengan syarat seperti ini bilangan mereka yang layak bertanding dan mengun-

Meskipun buku ini diterbitkan sempena lima dekad kewujudan SPR, tetapi kandungannya meliputi perkembangan sistem pilihan raya bermula 1801

di adalah terhad. Malah tiada ciri-ciri ke-rahsiaan dalam proses pengundian yang diamalkan kerana pengundi perlu menulis nama-nama calon yang hendak dipilih dan menulis namanya sendiri pada kertas undi dan menurunkan tandatangan.

Itu suasana masa lalu. Kini, menurut buku ini dan pengalaman dialami sekarang, segala syarat dan keperluan tersebut sudah pun berubah di bawah prinsip keterbukaan dan demokrasi.

"Kita memutuskan untuk menyertakan perkembangan sebelum merdeka bagi membolehkan kita melihat kemajuan (dalam sistem pilihan raya) yang dicapai pada hari ini," kata Pengerusi SPR, Tan Sri Ab. Rashid Ab. Rahman dalam pertemuan baru-baru ini.

"Saya optimis buku ini dapat menyediakan maklumat-maklumat penting berkaitan dengan sejarah demokrasi di Malaysia dan SPR khususnya, yang merupakan salah sebuah daripada institusi penting menggerakkan secara langsung sistem dan tanggungjawabnya dan evolusi dalam SPR," jelas beliau.

Ab. Rashid, penyandang jawatan Setiausaha SPR paling lama menambah, pihaknya berharap maklumat yang dimuatkan dalam buku ini dapat membantu orang ramai mengenali suruhanjaya ini, yang ditubuhkan pada 4 September 1957, dan sumbangannya kepada rakyat dan negara dengan lebih dekat lagi.

Rakyat negara ini telah mengambil bahagian dalam pilihan raya formal menuju era kemerdekaan pada 27 Julai 1955 menerusi pemilihan wakil Majlis Perundangan Persekutuan yang menyediakan 52 kerusi di Semenanjung. Pilihan raya ini dimenangi Perikatan yang memperoleh 51 kerusi manakala Pas menang di satu kawasan. Proses pengundian telah diadakan selama 12 jam, berlarutan sehingga malam.

Selepas 50 tahun bilangan kerusi perun-

dangan di Parlimen meningkat lebih empat kali ganda.

Kandungan ini buku juga berjaya membawa gambaran kedudukan dan prasarana di Sabah dan Sarawak yang menyertai Malaysia pada 1963. Gambar ahli-ahli Majlis Perbandaran Kuching tahun 1956 juga dimuatkan. Antara gambar hitam putih yang menggambarkan suasana ketika pilihan raya awal 1950-an ialah penggunaan bekas tin biskut sebagai peti undi. Pada ketika itu, ia merupakan antara kemudahan 'selesa' di sebalik suasana serba kekurangan, yang ada bagi menguruskan pilihan raya.


## Menggantikan

Sepanjang lima dekad lalu penggunaan peti undi berubah daripada kotak kertas, bakul dan sehingga apa yang disaksikan dalam pilihan raya semasa. SPR sedang dalam proses menggantikan dengan peti undi lut sinar, yang akan digunakan ketika pilihan raya umum ke-12 kelak.

Poster-poster yang digunakan sama ada bagi tujuan pendidikan ataupun kempen parti-parti politik, yang mengisi buku ini, juga menggambarkan perubahan ketara dari dulu sehingga sekarang.

Proses membuat persempadanan semula bahagian pilihan raya, salah satu aktiviti penting di SPR, disempurnakan menggunakan tangan, bukan seperti sekarang banyak dibantu oleh sistem komputer.

Susunan buku bergambar ini dibahagikan kepada 12 bab dengan huraian ringkas yang membolehkan para pembacanya mengikuti perkembangan sejarah pilihan raya tanpa rasa bosan dan jemu. Susunan bab terdiri daripada *Sistem Kerajaan di Malaysia*, *Sejarah Sistem Pemerintahan di Malaysia*, *Pilihan Raya di Malaysia*, *Kesedaran Berpolitik dan Pendidikan Pengundi*, *Suruhanjaya Pilihan Raya*, *Evolusi dalam*



*Pengurusan Pilihan Raya (Persempadanan, Pendaftaran Pemilih, Penjalanan Pilihan Raya), Pengisytiharan, Perbelanjaan, Peticyen, Pelupusan Kertas Undi, Jalinan Kerjasama (Agensi Kerajaan dan Media).*

Banyak buku pilihan raya dan analisis pilihan raya pernah diterbitkan sebelum ini termasuk buku *Perjalanan Pilihan Raya di Malaysia* tulisan Ab. Rashid sendiri 13 tahun lalu. Usaha SPR menghasilkan buku ini menambah koleksi detik-detik sejarah ketika negara menyambut ulang tahun ke-50 kemerdekaan. Meskipun ia diterbitkan dengan tujuan menggambarkan perkembangan sistem pilihan raya negara dan SPR, tetapi jika dilihat secara mendalam, buku ini berjaya menyegarkan semula perkembangan gerakan politik negara ini - daripada agenda tempatan kepada kewujudan parti-parti politik.

Buku dalam bahasa Malaysia dan Inggeris (kini dalam proses penterjemahan) ini, yang turut boleh didapati di kedai-kedai buku, sudah pasti akan membantu rakyat negara ini memahami perjalanan pilihan raya - satu lagi komponen prinsip demokrasi.